

MEMORANDUM

Kepada : Semua Warga Kerja Kumpulan PHN
Daripada : Ketua Jabatan Modal Insan
Salinan Kepada : Ketua Pegawai Eksekutif
Tarikh : 29hb. Disember 2020
Rujukan : PHN/HCD/Admin/Memo/2020(0043)
Perkara : **LANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

Assalamualaikum W.B.T dan Selamat Sejahtera

Merujuk kepada Sidang Media pada 28hb. Disember 2020 oleh Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) **PKPB di seluruh Kuala Lumpur dan Selangor telah dilanjutkan sehingga 14hb. Januari 2021.**

Oleh yang sedemikian, pihak pengurusan syarikat ingin memaklumkan bahawa protokol bekerja daripada rumah (WFH) dan kilang/pejabat (WFO) adalah sebagaimana yang telah diputuskan oleh Ketua Bahagian atau Jabatan masing-masing **masih berkuatkuasa untuk kawasan yang masih diisytiharkan dibawah PKPB sehingga pengumuman lanjut** daripada pihak berkuasa dan juga ketua masing-masing.

Kes-kes **jangkitan COVID-19 direkodkan tinggi** di seluruh negara. Ini ditambahkan lagi dengan kebolehcapaian semua untuk merentas negeri. Sebagai rakyat dan warga kerja yang prihatin, anda digalakkan untuk terus kekal mengekang penyebaran virus ini. Patuhilah SOP norma baharu yang telah digariskan oleh pihak kerajaan dan syarikat. Elakkan dari merentas negeri ataupun pergi ke negeri-negeri yang mempunyai kes yang tinggi tanpa ada sebab yang mendesak.

Pihak syarikat memandang serius kebolehjangkitan virus ini di dalam dan di luar premis. Oleh itu anda dinasihatkan untuk sentiasa **mengawasi kesihatan diri anda secara harian** dan **hadir bekerja sekiranya dalam keadaan sihat**. Sila laporkan sebarang kes bergejala, terkena jangkitan atau kemungkinan menjangkiti kepada Ketua Jabatan masing-masing dan Jabatan Modal Insan.

Sekian, terima kasih. Yang Benar,



ALIAS MOHAMED LELA
KETUA JABATAN MODAL INSAN